

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HKB 310 Kesusasteraan Benua Kecil India

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Kajikan makna dan konotasi tiga (3) paradoks yang dikemukakan Sri Krishna di dalam usaha beliau menerangkan pandangan semesta Hindu (Bhagavad Gita).
2. SAMA ADA
  - (a) Huraikan signifikan jenis-jenis kesenian yang dipaparkan di dalam The Sweet Vendor dan kaitkan huraian itu dengan perkembangan rohaniah Jagan.

ATAU

  - (b) Kajikan perkembangan Jagan sebagai pencari identiti rohaniah dan nilaikan setakat manakah Narayan berjaya di dalam penggunaan unsur-unsur lucu bagi memaparkan perjalanan protagonisnya ke arah penunaian rohaniah.
3. Bandingkan di antara Sita dan Javni di dalam cerpen Rao. Apakah yang dipelajari pencerita pertama daripada kedua-dua watak ini? (Javni)
4. SAMA ADA
  - (a) Dengan analisis terperinci tunjukkan setakat manakah Markhandaya berjaya memperluaskan bentuk novelnya supaya merangkumi pandangan semesta Hindu (Madu Dalam Saringan).

ATAU

- (b) Bandingkan di antara respons watak-watak wanita dan lelaki terhadap tekanan-tekanan hidup yang begitu mencabar di dalam Madu Dalam Saringan.

5. SAMA ADA

- (a) Ramai pengkritik berpendapat bahawa Pariah mendedahkan nada pesimistik Anand tentang kewujudan manusia. Setakat manakah anda bersetuju dengan pendapat ini? Adakah karya Anand masih memaparkan bibit-bibit harapan di dalam kewujudan kasta pariah?

ATAU

- (b) Setakat manakah humanisme Anand membawa kepada kritikan tajam beliau terhadap warisan Hindu yang terdapat pada dirinya sendiri? (Pariah).

-oooOOOooo-